

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JANUARY 2017

Mahathir jangan terlalu takbur

mm - 4/1/2017

KUALA LUMPUR 3 Jan. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak perlu bersikap terlalu takbur dengan mempertikaikan status ibadat haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, Dr. Mahathir tidak seharusnya berkata sedemikian kerana setiap ibadat yang dilakukan hanya ditentukan oleh Allah.

Katanya, kelantangan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang mungkin didorong atas sebab politik itu sebenarnya telah menggores per-

asaan jemaah yang terlibat.

“Meskipun Dr. Mahathir pernah menjadi Perdana Menteri dan menabur banyak jasa terhadap negara, tindakannya itu disifatkan melampau, justeru beliau digesa supaya menarik balik serta memohon maaf ke atas semua jemaah.

“Kita tidak mahu segala jasa Dr. Mahathir sebelum ini akan dilupakan begitu sahaja akibat terlalu takbur dan ekstrem dalam mempertikaikan sesuatu kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan Barisan



IRMOHIZAM IBRAHIM

Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Jelas Irmohizam yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor, hakikatnya program tajaan Yayasan 1MDB itu

sebenarnya sangat baik kerana dapat memberikan peluang kepada jemaah yang tidak berkemampuan untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu.